

# UMS tandatangan MoU untuk wujud American Corner

NST 24.9.2016 5

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Seksyen Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat bagi mewujudkan American Corner "Lincoln Resource Centre" (LRC).

Ruang American Corner itu akan ditempatkan di Perpustakaan UMS dan diisi dengan pelbagai bahan berkaitan Amerika Syarikat termasuk mengadakan aktiviti yang boleh dimanfaatkan oleh warga kampus khususnya dan masyarakat setempat amnya.

Majlis menandatangani itu diadakan di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif, Bangunan Canselori UMS disempurnakan oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah dan Kaunselor Seksyen Perhubungan Awam Kedutaan Amerika Syarikat Frank J. Whitaker.

Turut disaksikan oleh Pendaftar UMS No'man Hj. Ahmad dan Penolong Pegawai Hal Ehwal Kebudayaan, Kedutaan Amerika

Syarikat Micheal Cavey.

Frank mengalu-alukan kerjasama dengan UMS untuk mewujudkan American Corner di perpustakaan university itu.

"Saya berharap ia akan menjadi wadah untuk kita menjalin kerjasama terutama dari segi perkongsian maklumat terutamanya bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat.

"Ini adalah kali pertama kita menjalin kerjasama secara rasmi dengan UMS dan saya dapati universiti ini mempunyai banyak kemudahan yang hebat.

"Kita akan jalin kerjasama dalam pelbagai aspek termasuk maklumat-maklumat mengenai program kursus yang terdapat di universiti US, kerjasama dalam pembelajaran Bahasa Inggeris dan isu mengenai penjagaan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata melalui persefahaman itu, Seksyen Per-

hubungan Awam, Kedutaan Amerika Syarikat bersetuju untuk membangunkan koleksi bahan tentang Amerika Syarikat dalam semua aspek seperti polisi-polisi Amerika Syarikat, pendidikan, geografi, sejarah, masyarakat, budaya dan banyak lagi.

Dahulunya ia dikenali sebagai U.S. Information Service (USIS) library dan telah dibuka kepada masyarakat negara ini sejak 15 Februari 1950.

Selain UMS, LRC turut menjalin kerjasama dengan Perpustakaan Awam di negara ini dalam menyediakan koleksi Amerika.

Pada masa ini terdapat sembilan Lincoln Corner dibuka di seluruh Malaysia iaitu di Kuala Lumpur, Melaka, Sarawak, Kedah, Kelantan, Seberang Jaya Pulau Pinang, George Town Pulau Pinang dan Johor. - **OLEH MARRYAN RAZAN** (marryan@newsabahtimes.com.my)



TANDATANGANI ... Frank (kanan) dan Mohd Harun (kiri) menandatangani MoU untuk mewujudkan American Corner di UMS.



TUKAR DOKUMEN ... Mohd Harun (tiga dari kiri) dan Frank (tiga dari kanan) bertukar dokumen persefahaman pada majlis itu, turut kelihatan No'man (dua dari kiri) dan Micheal (dua dari kanan).